

Nama Pelajar : Kelas :



MAJLIS GURU BESAR NEGERI KEDAH

UJIAN PERCUBAAN UPSR 2011

BAHASA MELAYU Kertas 2 (012)

Julai

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
2. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.
3. Bagi Bahagian B, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1, Soalan 2 atau Soalan 3.
4. Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan Yang disediakan. Sekiranya helaian kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan kertas jawapan tambahan daripada pengawas peperiksaan. Kertas jawapan tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan Dihantar bersama-sama buku soalan.



Kod Pemeriksa:		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
		/

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Bahagian A
[10 markah]
[Masa yang dicadangkan: 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti gotong-royong di sekolah.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti tersebut.



Bahagian B**[30 MARKAH]****[Masa dicadangkan: 40 minit]**

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis **sebuah karangan** yang panjangnya **tidak kurang daripada 80 patah perkataan**.

- 1 Kamu telah menghadiri suatu majlis perkahwinan.

Tulis pengalaman kamu semasa menghadiri majlis tersebut.

ATAU

- 2 Kamu telah berbual-bual dengan seorang rakan tentang cara-cara menjaga keselamatan diri semasa di jalan raya.

Tulis perbualan itu selengkapnya.

ATAU

- 3 Bersukan memberikan banyak faedah kepada kita.

Tulis faedah-faedah bersukan.

Bahagian C

[20 markah]

[Masa yang dicadangkan: 20 minit]

Tulis lima nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

7.00 pagi

Aku gembira apabila ayah memberitahuku kami akan pulang ke kampung. Aku begitu teruja dan tidak sabar-sabar untuk bertemu datuk dan nenek kesayanganku yang amat kurindui.

8.00 pagi

Setelah mandi dan membasuh pakaian sekolah, aku membantu ibu memasak untuk dijadikan bekalan dalam perjalanan nanti. Ayah pula memeriksa keadaan kereta agar semuanya dalam keadaan yang baik.

9.00 pagi

Kami bertolak pulang ke kampung. Ayah memandu dengan berhati-hati. Sepanjang perjalanan, aku dapat menikmati keindahan alam ciptaan Tuhan sambil membaca buku cerita.

12.45 tengah hari

Kami tiba di kampung. Aku bersalaman lalu mencium tangan datuk dan nenek. Pak Long dan Mak Long turut sama menunggu untuk menyambut kepulangan kami. Ibu menghulurkan buah tangan kepada mereka. Mereka amat gembira dan mengucapkan terima kasih.

2.00 petang

Kami mendapat berita yang sahabat baik ayahku sedang sakit. Ayah mengajak kami untuk menziarahinya. Ketika sampai kami disambut dengan baik. Ramai juga jiran tetangga yang datang. Mereka bercadang mengutip derma untuk meringankan beban keluarga sahabat baik ayahku. Mereka juga merancang untuk bergotong-royong membaiki rumahnya yang semakin uzur. Aku kagum dengan sikap penduduk kampung yang sentiasa mengambil berat masalah yang dihadapi oleh jiran mereka.

[Lihat sebelah
SULIT .